

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XXI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

1. Sila nyatakan :

- (a) Jumlah *Traffic Impact Assessment* TIA dan *Social Impact Assessment* SIA yang telah dijalankan untuk projek-projek baru di kawasan Bagan Dalam.
- (b) Apakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam laporan-laporan berkenaan?
- (c) Berapa cadangan tersebut telah dilaksanakan dan berapa masih belum?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Terdapat tiga (3) *Traffic Impact Assessment* (TIA) yang telah dijalankan untuk projek-projek baru di Kawasan Bagan Dalam. Manakala tiada *Social Impact Assessment* (SIA) yang dijalankan. TIA yang dijalankan untuk projek-projek baru di kawasan Bagan Dalam adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis Kajian	Jumlah	Lokasi	Tetuan
			(i) Cadangan Pembangunan Penang Sentral, Seksyen 4, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU).	Penang Sentral Sdn. Bhd.
1.	TIA	3	(ii) Cadangan Pembangunan di atas lot 20137 (sebahagian lot lama 3670), 2449 dan 2450, Jalan Assumption, Seksyen 4, Butterworth, SPU.	PJD Eastern Land Sdn. Bhd.
			(iii) Cadangan Pembangunan Bercampur di atas lot 2499,195,2502,2570,270, 189,190,2569,197,199, 142-187,268 dan 362, Seksyen 4, Butterworth, SPU.	The Straits Trading Company Limited Kuala Lumpur.

(b) Cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam laporan-laporan TIA berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan oleh Tetuan Penang Sentral Sdn Bhd
- Cadangan tiga (3) lorong untuk belokan kanan dari Penang Sentral ke Kulim di persimpangan Jalan Heng Choon Thian dengan *North Butterworth Container Terminal* (NBCT).
- Cadangan menaiktaraf persimpangan Jalan *New Ferry* dengan Penang Sentral.

- Cadangan trafik free flow dari Penang Sentral ke Jambatan Pulau Pinang di persimpangan Jalan Bagan Dalam dengan Terminal Kontena Butterworth.
- (ii) Pembangunan oleh Tetuan PJD Eastern Land Sdn Bhd
 - Cadangan penambahan satu (1) lorong di Jalan Chain Ferry bermula dari persimpangan Jalan Assumption.
 - Cadangan penukaran aliran lalulintas dari dua (2) hala kepada satu (1) hala di *Harbour Place* 1.
 - Cadangan pembinaan pembahagi jalan di Jalan Assumption.
- (iii) Pembangunan oleh Tetuan The Straits Trading Company Limited Kuala Lumpur.
 - Cadangan menaik taraf persimpangan Jalan Pantai dengan Jalan St. Mark kepada persimpangan lampu isyarat.
 - Cadangan *left-in left-out* di persimpangan Jalan Bagan Luar dengan Jalan Allen.
 - Cadangan empat (4) lorong dua (2) hala dengan pembahagi jalan dan pusingan U khas di Jalan St. Mark.
 - Cadangan empat (4) lorong dua (2) hala dengan pembahagi jalan dan pusingan U khas di Jalan St. Mark.

- Cadangan penambahan lorong taper bagi belokan kanan dari Jalan Bagan Luar ke Jalan Heng Choon Thian.
 - Cadangan pusing U di Jalan Bagan luar bagi kenderaan dari arah Perai.
 - Cadangan pembahagi jalan di Jalan Bagan Luar.
- (c) Cadangan seperti yang disyor dalam kajian TIA telah dilaksanakan oleh Tetuan Penang Sentral Sdn Bhd manakala Tetuan PJD Eastern Land Sdn Bhd dan Tetuan The Straits Trading Company Limited Kuala Lumpur belum melaksanakannya kerana projek masih belum dimulakan.